

Pejabat ADUN Seri Setia rancang adakan sesi dialog

S.H 14/01/09 ml 11

KELANA JAYA – Bagi mengisi kalender aktiviti tahun 2009, Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Setia akan mengadakan pelbagai program berbentuk kemasyarakatan yang akan dilaksanakan secara giat bermula pertengahan Januari ini.

Pembantu peribadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Setia, Mior Azam Shah Mior Yahya berkata, sebagai permulaan Pejabat ADUN akan mengadakan majlis dialog dan program mesra rakyat.

Menurut Mior Azam, majlis dialog itu kelak merupakan platform terbaik bagi pihaknya mendengar permasalahan rak-

yat di Kelana Jaya terutamanya di Seri Setia.

“Melalui sesi dialog ini, kami berharap rakyat akan berasa dekat dengan pemimpin, seterusnya dapat bertemu sendiri dengan ADUN Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad untuk mengutarakan apa jua masalah yang dihadapi mereka.

“Dalam majlis dialog itu nanti, kami akan cuba membantu penduduk menyelesaikan beberapa isu yang timbul dan pada setiap sesi dialog itu nanti, kami akan menjemput ahli majlis dan jabatan kerajaan yang berkaitan,” katanya ketika ditemui di sini.

Mior Azam berkata, pada tahun ini juga pihaknya akan menumpukan program yang

berbentuk belia dan berkaitan khusus kepada golongan orang kurang upaya (OKU) supaya mereka berdikari dan tidak mengharapkan bantuan kerajaan semata-mata.

Menurutnya, pejabat ADUN juga tidak akan meminggirkan warga emas di Seri Setia dan untuk itu, setiap penduduk berusia 60 tahun ke atas layak mendapat Skim Mesra Warga Emas.

“Kepada warga Seri Setia berumur 60 tahun ke atas pada tahun ini boleh datang ke Pejabat ADUN untuk mendaftar bagi melayakkan mereka menerima Skim Mesra Warga Emas atau pun mereka boleh berjumpa terus dengan ahli jawatankuasa Majlis Perwakilan



MIOR AZAM SHAH MIOR YAHYA

Penduduk atau persatuan penduduk untuk membuat pendaftaran.

“Kelebihan skim ini ialah jika berlaku kematian, kami akan memberikan RM1,000 kepada keluarga si mati bagi meringankan beban mereka. Bagi

bayaran kedua, mereka akan menerima RM1,500 melalui pejabat daerah,” katanya.

Kata beliau, pihaknya akan membantu golongan ibu tunggal mempunyai tanggungan ramai dan tidak mempunyai sumber pendapatan tetap.

“Kami akan cuba membantu golongan ibu tunggal melalui aktiviti perniagaan ataupun kraf tangan, tetapi buat masa ini kami masih dalam proses perbincangan dengan pihak jabatan pembangunan kraf tangan dan Exco berkaitan.

“Justeru saya ingin maklumkan kepada penduduk di Kelana Jaya khususnya di Seri Setia, pada setiap sesi dialog itu nanti, kami akan mendirikan kaunter pendaftaran un-

tuk Skim Mesra Warga Emas dan Tabung Warisan Anak Selangor (Tawas) dan bancian ibu tunggal,” katanya.

Beliau berkata, pusat khidmat rakyat terletak di Dataran Glomac dekat sini akan beroperasi jam 9 pagi hingga 6.30 petang dan ditutup pada Sabtu serta Ahad.

Katanya, penduduk yang mempunyai masalah boleh datang ke pusat khidmat rakyat atau terus menghubunginya di talian ‘hot-line’ 016-3602509 ataupun talian pejabat di 03-78063660.

“Pada tahun ini, pusat khidmat rakyat akan diawalkan setengah jam manakala setiap Sabtu dan Ahad pejabat ditutup,” katanya.